

03/10/2003

Isian semula kad prabayar TMNet guna Maybank2u

Abdul Halim Yusoff

TMNET Sdn Bhd (TMNet) semalam memeterai perjanjian dengan Kumpulan Maybank bagi membolehkan pelanggan membuat isian semula kad prabayar TMNet secara talian terus menggunakan portal perbankan, Maybank2u.com.

Ketua Eksekutif TMNet, Datuk Baharum Salleh, berkata perkhidmatan itu tersedia untuk pengguna kad prabayar internet TMNet yang juga adalah pengguna berdaftar perkhidmatan Maybank2u.com, tanpa perlu membuat pendaftaran tambahan, membayar yuran langganan atau bil bulanan.

Beliau berkata, selain menggunakan internet, pelanggan juga boleh menokok nilai akses masa kad prabayar internet TMNet mereka menggunakan mesin juruwang automatik (ATM), Maybank/Maybank Finance Kawanku di seluruh negara.

"Rancangan juga sudah diatur untuk membolehkan pelanggan membeli pek permulaan menerusi internet tidak lama lagi," katanya.

Baharum berkata, perjanjian antara Maybank dan TMNet itu akan meningkatkan sinergi kedua-duanya untuk saling menokok nilai daripada asas pelanggan sedia ada.

"Kami yakin kami dapat menjual lebih 20,000 pek isian semula sebulan menjelang pertengahan tahun depan menerusi sistem ini. Ketika ini kami menjual lebih 50,000 kad prabayar internet sebulan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menandatangani perjanjian itu di Menara Maybank, Kuala Lumpur, semalam.

Pada majlis itu, TMNet juga melantik KAT Technologies Sdn Bhd sebagai penjual TMNet prabayar kepada Kumpulan Maybank menerusi Maybank2u.com dan ATM Kawanku.

Pada majlis itu, TMNet diwakili Baharum, Maybank diwakili Naib Presiden Eksekutif Kumpulan Perkhidmatan Kewangan Runcitnya, Johar Che Mat, manakala KAT Technologies diwakili Pengarah Urusannya, Khairol Anuar Tawi.

Baharum berkata, untuk membuat isian semula masa akses internet, pelanggan boleh membeli pek isian semula TMNet bernilai RM20 menerusi Maybank2u.com dan ATM Kawanku di seluruh negara.

Pelanggan kemudian diberi pin isian semula yang membolehkan mereka akses internet selama 40 jam.

Menerusi perkhidmatan itu, pelanggan tidak perlukan tunai kerana bayaran akan didebit secara automatik daripada akaun simpanan atau kredit kad pelanggan, katanya.

Baharum berkata, TMNet juga merancang untuk meningkatkan kesedaran mengenai produk dan perkhidmatan TMNet menerusi Maybank2u.com pada masa depan.

"Selain Maybank2u.com dan ATM Kawanku, kami juga akan menggunakan sistem penghantaran lain Kumpulan Maybank untuk memanfaatkan asas pelanggan keseluruhan Maybank yang berjumlah lebih tujuh juta," katanya.

Baharum berkata, TMNet sekarang mempunyai 1.6 juta pelanggan yang mana 400,000 adalah pelanggan prabayar, manakala 71,000 pelanggan internet jalur lebar.

Sementara itu, Johar berkata, berdasarkan statistik, lebih dua juta urusan niaga dilaksanakan secara talian terus menerusi Maybank2u.com sebulan.

Portal itu dilancarkan pada Jun tahun lalu dan sehingga 30 Jun lalu, ia mempunyai sejuta pelanggan berdaftar.

Mengenai penggabungan TMNet dan Jaring, Baharum berkata, setakat ini syarikat masih menanti arahan lanjut daripada pemegang saham kedua-dua syarikat.

TMNET adalah anak syarikat milik penuh Telekom Malaysia Bhd yang mana pemegang saham majoritinya adalah kerajaan, manakala Jaring adalah syarikat kerajaan.

Mengenai siapa yang akan dibeli untuk penggabungan itu, Baharum berkata, kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Bajet 2004 berbunyi, "Jaring akan digabungkan dengan TMNet." "Oleh itu anda boleh buat tafsiran sendiri," katanya.